

Kejohanan badminton MDKL

Sinar Harian 21/9/2015
M/S: 40

TELOK DATOK - Jabatan Belia dan Kemasyarakatan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bakal menganjurkan Kejohanan Badminton Tertutup Kuala Langat 2015 pada 3 hingga 4 Oktober 2014.

Yang Dipertua MDKL, Mohd

Azhar Mohamed Ali berkata, kejohanan yang akan diadakan di Dewan Sri Jugra itu menawarkan keseluruhan RM14,000 untuk dimenangi berupa barangan sukan dan medal iringan.

Menurutnya, antara kategori yang dipertandingkan adalah lelaki dewasa,

lelaki veteran, lelaki junior, wanita terbuka dan lain-lain.

Kepada yang berminat menyertai kejohanan itu, boleh menghubungi Jabatan Belia dan Kemasyarakatan menerusi talian 03-31803140 untuk keterangan lanjut.